

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN YANG KE-13

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]**
TARIKH : **18 MEI 2015 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **14**

DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meredakan isu sensitif seperti kaum dan agama yang boleh menimbulkan ketegangan dalam masyarakat.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Adalah menjadi aspirasi dan harapan kerajaan agar setiap warganegara Malaysia keseluruhannya boleh hidup dalam suasana mesra, bersatupadu, bekerjasama dan saling hormat menghormati antara satu dengan yang lain, tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang sosio-ekonomi. Suasana seperti ini akan memudahkan usaha untuk membangunkan Negara ke tahap yang lebih tinggi, sempurna dan setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Namun, hakikatnya Kerajaan menghadapi pelbagai cabaran untuk merealisasikan aspirasi tersebut. Walaupun kesepaduan sosial (*social cohesion*) itu telah sekian lama terjalin dan wujud, namun masih terdapat segelintir masyarakat yang sengaja mempersoalkan mahupun mempertikaikan perkara-perkara tertentu yang boleh

menjadi penyumbang kepada terjejasnya perhubungan antara kaum di Negara ini. Kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan usaha penyatuan masyarakat melalui langkah-langkah seperti berikut:

- a) **Menggalakkan penglibatan rakyat pelbagai kaum di dalam kegiatan-kegiatan kejurangan kelolaan Kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara.**
- b) **Wujudkan penghayatan dan pemahaman kepada pelajar-pelajar sekolah dan pelajar universiti mengenai pengertian perpaduan dan prinsip-prinsip Rukun Negara, nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1Malaysia melalui Sambutan Kemerdekaan, Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik, Debat Perpaduan IPT, Kelab-Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah dan Sekretariat Rukun Negara di kolej dan institusi pengajian tinggi.**
- c) **Melatih kepimpinan peringkat akar umbi berhubung kepentingan untuk hidup bersatu padu.** Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah dipertanggungjawabkan untuk melatih ahli-ahli komuniti ke arah pemupukan perpaduan dan integrasi nasional.
- d) **Menjalinkan perkongsian strategik bersama Institusi-institusi pengajian tinggi** khususnya Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM dan institusi pemikir (*think-tank institution*) untuk berdiskusi, berwacana, mengadakan perbincangan, mendapatkan pandangan pakar, menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai usaha-usaha meningkatkan hubungan etnik dan perpaduan nasional.
- e) **Menggalakkan keharmonian agama dan persefahaman di kalangan penganut-penganut agama** melalui pendekatan dialog di bawah naungan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA) untuk memupuk persefahaman.

- f) **Membangunkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (*National Unity Blueprint*)** yang mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah untuk meningkatkan perpaduan dan keharmonian rakyat.

- g) **Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, *contestation of ideas* dan perdebatan** melibatkan golongan muda melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.

- h) **Menggalakkan penglibatan mahasiswa IPTA/IPTS di dalam program *MyInternship***, suatu program *cross-fertilization* di mana pelajar bumiputera berpeluang menjalani latihan industri di syarikat-syarikat bukan bumiputera. Program ini menyediakan peluang perkongsian ilmu pengetahuan, pendedahan kepada budaya kerja dan suasana yang berbeza, jalinan hubungan dan sekali gus menepis persepsi negatif bahawa syarikat bukan bumiputera cenderung mengambil para pelatih atau pekerja di kalangan kaum mereka sendiri.

- i) **Menggalakkan penyiaran drama, filem, dokumentari oleh penerbit-penerbit swasta.** Penerbit dan pengarah filem boleh memasukkan nilai-nilai perpaduan di dalam tayangan mereka agar menjadi contoh ikutan dan amalan baik di kalangan rakyat Malaysia sebagai satu tanggungjawab sosial.

Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah, kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dikekalkan untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat Wawasan Negara dan Gagasan 1 Malaysia.